

Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia
Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
Malaysian Seven Major Clans Association

Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin,
Timbalan Perdana Menteri merangkap
Menteri Pelajaran Malaysia,
Pejabat Timbalan Perdana Menteri,
Blok Barat, Aras 4, Bangunan Perdana Putra,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya



8 Mac 2010

Yang Amat Berhormat Tan Sri,

Pandangan Dan Cadangan Pertubuhan Cina Mengenai Peruntukan Waktu Dan Penyeragaman Dokumen Standard, Pentaksiran Awam Dan Buku Teks Bagi Mata Pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Serta Penggunaan Bahasa Pengantar Bagi Mata Pelajaran Malaysia Negaraku Di SJKC

Merujuk kepada perkara di atas, dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa kami Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia, Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia, Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia dan Malaysian Seven Major Clans Association telah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Transformasi Kurikulum yang diadakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pada 1 Mac 2010. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran I, Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Timbalan Menteri Pelajaran II, Y.B. Dato' Dr. Mohd Puad bin Zarkashi.

2. Dalam mesyuarat tersebut, kami telah dimaklumkan bahawa mulai tahun 2011, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC dan SJKT akan bertambah daripada 270 minit kepada 330 minit seminggu di Tahap I dan daripada 180 minit kepada 270 minit di Tahap II. Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran di SK akan bertambah daripada 240 minit kepada 330 minit seminggu di Tahap I dan daripada 210 minit kepada 300 minit seminggu di Tahap II, manakala bagi SJKC dan SJKT, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran tersebut akan bertambah daripada 60 minit kepada 120 minit di Tahap 1 dan daripada 90 minit kepada 120 minit di Tahap II. (*nota: padahalnya, di Tahap II SJKC dan SJKT, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris yang sedia ada sememangnya 120 minit seminggu, maka tiada sebarang perubahan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di Tahap II SJKC dan SJKT mulai tahun 2011.*) Berserta dengan perubahan ini, dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris akan diseragamkan pada satu standard yang sama untuk semua aliran sekolah rendah.

3. Selain itu, kami juga dimaklumkan bahawa satu mata pelajaran baru, iaitu Malaysia Negaraku akan diperkenalkan mulai tahun 2011 di Tahap I bagi semua aliran sekolah rendah, termasuk SK, SJKC dan SJKT. Malaysia Negaraku akan diajar 30 minit seminggu dengan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di semua aliran sekolah rendah.
4. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Tan Sri, dalam mesyuarat tersebut, kami telah menyatakan pendirian tidak bersetuju dengan cadangan menambah peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia Tahap I dan Tahap II di SJKC, kerana peruntukan waktu yang dilaksanakan sekarang bagi mata pelajaran ini adalah mencukupi. Kami juga tidak bersetuju dengan cadangan menggunakan dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks yang sama bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di SK dan SJKC, kerana cadangan ini langsung tidak mengambil kira keperluan dan juga keadaan sebenar di SJKC yang sememangnya ada perbezaan dengan SK dari segi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kami juga secara tegas menolak cadangan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Malaysia Negaraku kerana pelaksanaan ini bukan sahaja bercanggahan dengan identiti bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama di SJKC, malah tidak dapat mencapai matlamat murni pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini atas sebab sebilangan besar murid-murid yang baru memasuki SJKC masih belum menguasai bahasa Malaysia.
5. Memandangkan isu ini serius dan akan mendatangkan impak serta pengaruh yang mendalam terhadap pembangunan pendidikan negara, maka dengan tulus ikhlasnya kami mengambil inisiatif untuk mengemukakan pandangan dan cadangan terhadap tiga perkara tersebut dengan tujuan memberi gambaran sebenar di SJKC dan juga menyampaikan saranan membina untuk rujukan dan pertimbangan Yang Amat Berhormat Tan Sri, supaya keputusan yang dibuat kelak memenuhi keperluan semua aliran sekolah dan mengambil kira realiti negara kita yang mengamalkan sistem pendidikan sekolah pelbagai aliran.
6. Besarlah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Tan' Sri memberi pertimbangan yang saksama dan adil terhadap pandangan dan cadangan yang dikemukakan dalam memorandum ini supaya tindakan yang wajar akan diambil demi kepentingan pendidikan negara.

Sekian dimaklumkan.

Pertubuhan Cina Yang Menandatangani Bersama :

(Ong Chiow Chuen, AMN)



Pengerusi
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia

(Dr. Yap Sin Tian, DBA (SCU))



Pengerusi
Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia

(Pang Chong Leong)



Presiden
Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia

(Lau Chee Boon)



Pengerusi
Jawatankuasa Pendidikan & Sumber Manusia Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia

(Dato' Koong Heng Sze)

Pengerusi
Malaysian Seven Major Clans Association



Pandangan Dan Cadangan Pertubuhan Cina Mengenai Peruntukan Waktu Dan Penyeragaman Dokumen Standard, Pentaksiran Awam Dan Buku Teks Bagi Mata Pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Serta Penggunaan Bahasa Pengantar Bagi Mata Pelajaran Malaysia Negaraku Di SJKC

1. Peruntukan Waktu Dan Penyeragaman Dokumen Standard, Pentaksiran Awam Dan Buku Teks Bagi Mata Pelajaran Bahasa Malaysia

- 1.1 Peruntukan waktu bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC yang dilaksanakan sekarang, iaitu 270 minit seminggu di Tahap I dan 180 minit di Tahap II adalah mencukupi untuk membolehkan murid-murid menguasai bahasa Malaysia. Maka, kami berpendapat tidak perlu menambah peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC. *[Nota: Peruntukan waktu bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia telah ditingkatkan sebanyak 60 minit seminggu bagi Tahun 3 dan 30 minit seminggu bagi Tahap II (Tahun 4,5,6) di SJKC mulai tahun 2005 secara berperingkat. Keadaan detil adalah seperti berikut: Tahun 3: ditingkatkan daripada 210 minit seminggu kepada 270 minit seminggu mulai tahun 2005; Tahap II (Tahun 4,5,6) masing-masing ditingkatkan daripada 150 minit seminggu kepada 180 minit seminggu mulai tahun 2006, tahun 2007 dan tahun 2008.]*
- 1.2 SJKC memandang penting terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia, maka pelbagai kaedah telah diambil atas inisiatif pihak sekolah sendiri untuk meningkatkan penguasaan murid-murid terhadap bahasa Malaysia. Sebenarnya masalah utama yang dihadapi oleh SJKC dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia ialah sukatan pelajaran dan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia yang digunakan sekarang tidak sesuai untuk SJKC kerana standardnya terlalu tinggi dan isi kandungannya terlalu sukar untuk dipelajari oleh murid-murid SJKC, yakni tidak sepadan dengan kebolehan murid-murid SJKC pada umumnya. Keadaan ini secara terus telah menjelaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC.
- 1.3 Sekian lama ini, SJKC menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, manakala bahasa Malaysia diajarkan sebagai satu mata pelajaran wajib. Maka persekitaran pengajaran dan pembelajaran di SJKC amat berbeza dengan SK yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Bagi SJKC, keutamaannya ialah memperkasakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina supaya murid-murid dapat menguasai bahasa Cina dengan baik. Ini amat penting kerana melainkan mata pelajaran bahasa, semua mata pelajaran yang lain diajarkan dalam bahasa Cina di SJKC. Keadaan ini seperti dengan SK yang memberi keutamaan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia yang merupakan bahasa pengantar utama di SK. Selain itu, murid-murid SJKC diwajibkan untuk mempelajari tiga bahasa, iaitu mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, keadaan ini juga berbeza dengan SK yang hanya mewajibkan murid-muridnya mempelajari mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Oleh kerana perbezaan yang ketara ini, dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC tidak boleh diseragamkan sepertimana yang digunakan di SK. Perbezaan seperti ini adalah logik dan menepati prinsip pendidikan kerana kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi bahasa pengantar utama dengan bahasa selainnya sememangnya tidak sama.

- 1.4 Kami berpendapat bahawa peringkat sekolah rendah bagi wadah yang menyediakan pendidikan asas, peringkat ini merupakan tempoh yang amat penting untuk memantapkan penguasaan asas murid-murid terhadap pelajaran mereka supaya memudahkan mereka apabila melangkah ke peringkat sekolah menengah. Maka, cadangan menambah peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC, serta menggunakan dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks yang sama dengan SK bukan sahaja tidak menepati prinsip pengajaran dan pembelajaran, malah membebankan murid-murid SJKC sehingga hilang minat atau timbul rasa bosan terhadap pelajaran mereka.
- 1.5 Berdasarkan keterangan-keterangan di atas, kami menegaskan pendirian untuk mengekalkan peruntukan waktu bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC sepertimana yang sedia ada. Justeru itu, demi meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SJKC, kami mencadangkan Kementerian Pelajaran mengambil langkah serta-merta untuk menyemak semula sukanan pelajaran dan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia yang digunakan di SJKC, dan seterusnya membuat pengubahsuaian yang wajar supaya menepati prinsip pendidikan dan sepadan dengan taraf sebenar murid-murid SJKC secara umum.

2. Peruntukan Waktu Dan Penyeragaman Dokumen Standard, Pentaksiran Awam Dan Buku Teks Bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris

- 2.1 Kami mengalu-alukan langkah Kementerian Pelajaran menambah peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris Tahap I di SJKC daripada 60 minit seminggu kepada 120 minit seminggu, kerana peruntukan waktu yang sedia ada tidak cukup untuk membolehkan murid-murid menguasai bahasa Inggeris.
- 2.2 Bagaimanapun, kami dengan tegasnya tidak bersetuju dengan cadangan menggunakan dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks yang sama bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SK dan SJKC. Bagi SK, mulai tahun 2011, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di Tahap I ialah 330 minit seminggu dan 300 minit seminggu di Tahap II. Manakala bagi SJKC, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di Tahap I dan II hanya 120 minit seminggu. Jelas sekali, peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SK dan SJKC adalah amat jauh berbeza, maka adalah tidak logik dan tidak menepati prinsip pendidikan sekiranya SJKC menggunakan dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris yang sama dengan SK. Pelaksanaan ini bukan sahaja tidak dapat membantu meningkatkan penguasaan murid-murid SJKC terhadap bahasa Inggeris, malah sekaligus menjelaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJKC. Sehubungan itu, kami menyeru Kementerian Pelajaran menarik balik cadangan menyeragamkan dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SK dan SJKC.
- 2.3 Memandangkan peruntukan waktu bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJKC yang sedia ada adalah tidak mencukupi sehingga menjelaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, maka demi meningkatkan penguasaan murid-murid SJKC terhadap bahasa Inggeris, kami mencadangkan supaya peruntukan waktu bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris ditingkatkan daripada 60 minit kepada 180 minit seminggu di Tahap I. Begitu juga dengan Tahap II yang hanya diperuntukkan 120 minit seminggu buat

masa ini haruslah ditambah lagi sekurang-kurangnya 60 minit kepada 180 minit seminggu untuk menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris di SJKC.

3. Penggunaan Bahasa Pengantar Bagi Mata Pelajaran Malaysia Negaraku

- 3.1 Sekian lama ini, bahasa Cina telah digunakan sebagai bahasa pengantar utama di SJKC untuk memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran agar murid-murid mencapai prestasi yang maksimum dalam pelajaran mereka. Begitu juga keadaannya di SK dan SJKT yang masing-masing menggunakan bahasa Malaysia dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama. Ini merupakan keunikan sistem sekolah pelbagai aliran yang telah diamalkan di negara kita sejak kemerdekaan.
- 3.2 Berdasarkan amalan tersebut, jelas sekali identiti SJKC ialah menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama. Ini bermakna semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Cina di SJKC, melainkan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Hak ini terjamin di sisi perundangan khasnya Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996. Dalam pada itu, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan syarat bahawa tiada sesiapa pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan, mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain. Manakala Akta Pendidikan 1996 dalam Bahagian I, Seksyen 2 Tafsiran, jelas menyatakan bahawa “sekolah jenis kebangsaan” ertinya sekolah rendah kerajaan atau sekolah rendah bantuan kerajaan yang menggunakan bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar utama; dan menjadikan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib.
- 3.3 Lantaran itu, kami tidak bersetuju dengan cadangan memperkenalkan mata pelajaran Malaysia Negaraku yang diajarkan dalam bahasa Malaysia di semua aliran sekolah rendah kerana bercanggahan dengan identiti dan realiti bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama di SJKC, malah pelaksanaan ini juga melanggar peraturan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, iaitu sepertimana yang telah kami huraikan pada perkara 3.2 di atas.
- 3.4 Dari segi prinsip pendidikan, matlamat memperkenalkan mata pelajaran Malaysia Negaraku ialah untuk melahirkan warganegara yang cinta kepada negara serta memupuk semangat sepunya dan menghargai kepelbagaian warisan budaya di kalangan murid-murid. Justeru itu, adalah penting untuk memastikan murid-murid memahami dan menghayati isi kandungan mata pelajaran ini, sekiranya tidak, usaha untuk memupuk semangat patriotik dan sepunya pasti tidak tercapai. Dalam konteks ini, bahasa ibunda masing-masing harus dijadikan bahasa pengantar bagi mata pelajaran Malaysia Negaraku mengikut aliran sekolah yang berlainan untuk mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kementerian Pelajaran, penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran Malaysia Negaraku adalah untuk membolehkan murid-murid menerima pendedahan dan pemahaman yang sama, serta mengelakkan pencairan makna dan kekeliruan jika diterjemahkan dalam bahasa lain, kami berpendapat bahawa kenyataan ini tidak berasas sama sekali kerana setiap bahasa mempunyai fungsi yang sama untuk menyampaikan segala ilmu pengetahuan dan seterusnya mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan.

3.5 Maka, kami tidak bersetuju dengan cadangan bahawa mata pelajaran Malaysia Negaraku hanya menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua aliran sekolah kerana langsung tidak dapat mencapai kesan pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, penggunaan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran ini berdasarkan aliran sekolah amatlah perlu dan penting. Lantaran itu, kami bertegas supaya mata pelajaran Malaysia Negaraku diajarkan dalam bahasa Cina di SJKC untuk mencapai kesan pengajaran dan pembelajaran secara optimum.

4. Cadangan Pertubuhan Cina Terhadap Peruntukan Waktu Pengajaran Tahap I Di SJKC Mulai Tahun 2011

Setelah meninjau peruntukan waktu pengajaran Tahap I yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran dalam Mesyuarat Transformasi Kurikulum yang diadakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) pada 1 Mac 2010, kami membuat cadangan “peruntukan waktu pengajaran Tahap I di SJKC mulai tahun 2011” seperti berikut untuk pertimbangan Kementerian Pelajaran. Kami berpendapat bahawa peruntukan waktu yang dicadangkan seperti berikut paling sesuai untuk SJKC demi mencapai kesan pengajaran dan pembelajaran yang maksimum.

**Cadangan Pertubuhan Cina Terhadap Peruntukan Waktu (Dalam Minit)
Pengajaran Seminggu Mengikut Mata Pelajaran
Di Tahap I SJKC Mulai Tahun 2011**

Mata Pelajaran	Peruntukan Waktu Tahun 2010	Cadangan Pertubuhan Cina Terhadap Peruntukan Waktu Mulai Tahun 2011
Bahasa Malaysia	270	270
Bahasa Cina	360	360
Bahasa Inggeris	60	180
Matematik	120(BI) * 180(BC)	180(BC) *
Sains	90(BI) * 90(BC)	-
Dunia Sains Dan Teknologi	-	60(BC) *
Pendidikan Moral	120	120
Pendidikan Muzik	60	-
Pendidikan Seni	60	-
Seni Visual dan Muzik	-	60
Pendidikan Jasmani	30	60
Pendidikan Kesihatan	30	30
Malaysia Negaraku	-	30(BC) *
Perhimpunan	30	30
Jumlah	1500	1380

Nota: * BC – bahasa Cina sebagai bahasa pengantar
BI – bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

5. Penutup

Dalam sistem pendidikan negara kita, pendidikan rendah kebangsaan terdiri daripada SK, SJKC dan SJKT yang masing-masing menggunakan bahasa ibunda sendiri, iaitu bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar utama. Ini merupakan keunikan sistem sekolah pelbagai aliran yang telah diamalkan di negara kita sejak kemerdekaan, dan telah terbukti keberkesanan dan kejayaannya, kerana telah melahirkan modal insan yang berkemampuan untuk memacu negara kita sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing. Malah ini juga merupakan kelebihan dan kebanggaan negara kita yang disanjung tinggi oleh negara lain.

Baik dari segi prinsip pendidikan mahupun berdasarkan identiti SJKC yang menggunakan bahasa ibunda, iaitu bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama, kami secara tegasnya membantah cadangan-cadangan Kementerian Pelajaran yang akan membawa perubahan kepada identiti, keunikan dan keutuhan SJKC, termasuk cadangan menambah masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC, serta menggunakan dokumen standard, pentaksiran awam dan buku teks yang sama bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di SK dan SJKC. Begitu juga kami tidak bersetuju dengan cadangan yang menetapkan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bersama bagi semua aliran sekolah rendah untuk mengajar mata pelajaran Malaysia Negaraku.

Kami menyampaikan kebimbangan dan suara hati majoriti masyarakat Cina terhadap isu berkenaan supaya kerajaan dapat memahami pandangan dan hasrat masyarakat Cina. Besarlah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Tan Sri memberi pertimbangan yang saksama dan adil terhadap pandangan dan cadangan yang dikemukakan, dan seterusnya mengambil tindakan yang wajar demi kepentingan pendidikan negara serta memenuhi realiti dan keperluan negara kita yang berbilang kaum.

salinan kepada:

- 1. Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong,
Timbalan Menteri Pelajaran I**
- 2. Y.B. Dato' Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran II**